

CNS2225

R GB 20-09 00154 BA031

aab

Mahathir - Australia

MALAYSIA KAJI EKTRADISI RAJA BAHRIN BERDASARKAN UNDANG-UNDANG NEGARA

PULAU PINANG, 20 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, keputusan ektradisi Raja Kamarul Bahrain Shah Raja Ahmad Shah ke Australia akan hanya ditentukan berdasarkan sama ada terdapat peruntukan demikian dalam undang-undang negara.

Beliau berkata, terpulanglah kepada para pegawai yang mentadbir undang-undang untuk menentukan sama ada terdapat asas untuk menyerahkan Raja Bahrain kepada kerajaan Australia.

Beliau berkata, sekalipun Malaysia mempunyai perjanjian ektradisi, ia masih tertakluk kepada peruntukan undang-undang negara apabila sebarang permohonan dibuat.

Kerajaan akan mematuhi undang-undang negara ini, kata Dr Mahathir kepada pemberita sebagai mengulas permintaan Australia, selepas majlis sambutan rombongan E & O Express di sini hari ini.

Sabtu lepas, Australia mengemukakan permohonan ektradisi terhadap Raja Bahrain atas tuduhan membawa keluar dua anaknya, Iddin dan Shahirah dari negara itu, tahun lepas. -- Lagi.

▼20/09/14-48MST

R GB 20-09 00147 BA032

aab

Mahathir - Australia 2 (Akhir) Pulau Pinang

"Bagi kes ini, jelas sebarang keputusan akan dibuat mengikut perundangan Malaysia," kata Dr Mahathir yang enggan mengulas mengenai perbicaraan kes berkenaan di Australia.

"Di bawah sistem kita, kita tidak boleh mengulas mengenai kes-kes mahkamah kerana ia dianggap sebagai menghina mahkamah."

Bagaimanapun, beliau berkata, setakat ini kes itu tidak menjejaskan perhubungan antara Malaysia dan Australia.

Terdahulu, ketibaan Dr Mahathir, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik dan rombongan perkhidmatan sulung keretapi mewah itu, di stesen keretapi Butterworth, disambut oleh Ketua Menteri Dr Koh Tsu Koon.

Rombongan itu kemudian menaiki beca ke terminal feri untuk menyeberangi ke sini dengan feri Pulau Kapas dan kemudian menaiki kereta antik ke kediaman Yang Dipertua Negeri, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir untuk menyaksikan pelbagai persembahan kebudayaan. -- Bernama

MOZ ZU NMO

▼20/09/17-37MST

CNS2418

U GB 20-09 00154 BA059

aab.

Mahathir - Australia 3 Pulau Pinang (Sambungan B750)

Sementara itu di KUALA LUMPUR, Kementerian Luar menyatakan ia menyerahkan semua urusan berkaitan usaha kerajaan Australia untuk mendapatkan perintah ekstradisi terhadap Raja Bahrin kepada Kementerian Undang-undang dan Pejabat Peguam Negara.

Menteri berkenaan, Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata langkah itu diambil memandangkan isu berkenaan membabitkan hal keluarga dan bukannya hubungan kedua-dua negara.

"Bagaimanapun, kalau mereka (pihak Australia) menghantar sebarang surat kepada kita mengenai perkara ini, kita akan kemukakan kepada Menteri Undang-undang dan Peguam Negara," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas perasmian perhimpunan agung Pertubuhan Antara Parlimen Asean (Aipo) di sini hari ini.

Ketika ditanya sama ada masalah itu berkemungkinan menjejaskan hubungan antara kedua-dua negara, beliau berkata ia tidak ada kena-mengena dengan hubungan diplomatik.

Abdullah berkata perkara itu telah dimaklumkan kepada kementerian dan jabatan terbabit untuk dibuat keputusan. -- Bernama.

JO NAK NMO

▼20/09/17-44MST